



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG

TAWARAN PELAWAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada **Kontraktor Kelas G2** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dan Jenis Pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

No. Sebut Harga	Tajuk	Tarikh, Masa & Tempat Taklimat Lawatan Tapak
QA2000/26/ENG/ROOFSLAB Tarikh Pelawaan: 20 April 2026 (Isnin) Tarikh Tutup: 30 April 2026 (Khamis)	KERJA-KERJA PENGANTIAN SISTEM BUMBUNG DAN LAPISAN KALIS AIR ROOF SLAB DI JABATAN PATOLOGI DAN TABUNG DARAH, BANGUNAN UTAMA HOSPITAL TENGGU AMPUAN RAHIMAH, KLANG	Tarikh: 23 April 2026 (Khamis) Pengambilan Borang: 09.00 Pagi - 10.00 Pagi Taklimat : 10:00 pagi Tempat: Bilik Mesyuarat Utama (BMU), Kompleks Pengurusan, HTAR
	Kelas Kontraktor	<u>Lawatan Tapak</u> Tarikh: 23 April 2026 (Khamis) Masa: 10.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari Tempat: Jabatan Patologi Dan Tabung Darah, Bangunan Utama
	Gred: G2 <u>Kategori:</u> B04 (Kerja-Kerja Pembinaan Bangunan) <u>Pengkhususan:</u> CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)	Pegawai yang boleh dihubungi: En. Mohammed Fitri Bin Mansor (03-33757000 ext:1019)

Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada penama sijil atau kontraktor yang sah sahaja pada hari taklimat. **Kontraktor juga TIDAK BOLEH** mewakili kepada sesiapa untuk menghadiri sesi taklimat/ lawatan tapak tersebut. Dokumen sebut harga tidak akan dikeluarkan kepada Wakil Kontraktor.

Kontraktor juga perlu mengemukakan dokumen asal serta salinan dokumen seperti di bawah:

1. Sijil Asal Pendaftaran Kementerian Kewangan (MOF);
2. Sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB);
3. Satu Salinan Kad Pengenalan, sijil/ surat bagi perkara (1) dan (2); dan
4. Sijil asal dan Salinan Pengiktirafan Taraf Bumiputera jika berkenaan.

Dokumen sebut harga yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat dan dialamatkan kepada:

**Pengarah Hospital
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Jalan Langat
41200 Klang
Selangor Darul Ehsan**

Dokumen Tawaran tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga Unit Pembangunan di Kompleks Pengurusan Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang tidak lewat daripada tarikh dan masa tutup **iaitu sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 30 April 2026 (Khamis)**. Tawaran yang lewat tidak akan diterima.